



UPM Juara Olahraga MASUM 2009



Kontijen UPM bergambar selepas diumumkan menjadi juara keseluruhan Kejohanan Olahraga MASUM 2009.

SERDANG 8 Mac – Universiti Putra Malaysia (UPM) membuktikan kejaguan atlet mereka dalam acara olahraga apabila menjuarai Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2009 di Stadium UPM baru-baru ini.

Kejohanan tiga hari bermula 6 Mac lalu menyaksikan kontijen UPM merangkul 24 pingat emas, lima pingat perak dan empat pingat gangsa untuk muncul juara selain memecahkan beberapa rekod kejohanan seperti acara 100M, 4 X 200M lari berganti-ganti dan 800M.

Kejayaan UPM bergelar juara tidak hanya bergantung kepada beberapa pelajar UPM bertaraf atlet kebangsaan kerana beberapa atlet UPM yang bukan atlet kebangsaan juga telah menyumbangkan pingat emas.

Kemenangan itu dilihat sebagai pengubat duka kegagalan mencapai sasaran pingat emas acara olahraga pada kejohanan Universiti ASEAN pada tahun lalu.

Kejohanan tersebut juga menyaksikan Mohd Jironi Riduan dari UPM dinobatkan sebagai olahragawan dan Azura Ahmad dari Universiti Pengurusan Sultan Idris (UPSI) sebagai Olahragawati kejohanan.



Atlet UPM, Mohd Jironi Riduan dinobatkan sebagai olahragawan MASUM 2009.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.